

Pemerhati luar negara pantau PRU-13
Utusan Online
11 Mei, 2012

KUALA LUMPUR 10 Mei - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menjemput pemerhati antarabangsa serta tempatan bagi memantau perjalanan Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, pemerhati antarabangsa itu terdiri daripada suruhanjaya pilihan raya di beberapa buah negara yang sebelum ini pernah menjemput SPR ke negara mereka untuk proses pemantauan, antaranya Australia, United Kingdom, Thailand, Filipina dan Indonesia.

Beliau berkata, selain suruhanjaya, pihak SPR juga akan menjemput pertubuhan bukan kerajaan (NGO) antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam selok-belok pilihan raya.

"Namun begitu, bagi SPR pembabitkan pemerhati tempatan adalah lebih penting. Kita mahu mereka turut sama memantau perjalanan pilihan raya ini. Kita mahu mereka menjadi rakan kongsi SPR.

"Untuk itu, SPR telah mengenal pasti enam buah NGO yang tidak memihak kepada mana-mana parti untuk menjalankan tugas ini," katanya ketika menyampaikan syarahan tengah hari yang bertajuk 'Bersih 3.0: Mahu apa lagi' di sini hari ini.

Sebelum ini, SPR telah melantik Malaysian For Free Elections (Mafrel) sebagai badan pemerhati bebas untuk pilihan raya di negara ini tetapi pentauliahannya tidak lagi dilanjutkan ketika berlangsungnya Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Ke-10.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0511&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_11.htm